

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Kursus Semasa Cuti Panjang
Sidang Akademik 2000/2001

April/Mei 2001

HMT 222 – Sintaksis Bahasa Melayu

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **EMPAT** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Kertas soalan ini mempunyai **LIMA** [5] soalan. Baca soalan dengan teliti dan cermat.

Bahagian A: Jawab **SEMUA** soalan.

1. Jawab [a] hingga [d].

[a] Pilih **DUA** [2] daripada struktur (i) hingga (iv). Lukis rajah pohonnya.

[i] dua orang bayi perempuan comel

[ii] daripada Mak Minah dan Pak Busu

[iii] tersangatlah sedap

[iv] tidak pernah hadir tutorial

[6 markah]

...2/-

- [b] Pilih **DUA [2]** daripada kumpulan ayat (i) hingga (iv). Namakan fungsi gramatis dan berikan ujian fungsi gramatis untuk bahagian yang bergaris.
- [i] Rumah itu disemah oleh seorang bomoh wanita yang dibawa khas dari Negara Alam Teruterubuzu.
 - [ii] Pada suatu petang, Rowan Atkinsonion membantu memandu kapalterbang Binoing 888.
 - [iii] Adiwira percaya bahawa Puteri Sekondong akan mempercayai cerita yang diwar-warkan oleh pengasuh tua itu.
 - [iv] Setelah berada di puncak Menara Pulau Tanah Terbelah yang tingginya ialah 1000m dari aras laut, Mei Ling, Abu, dan Samy berasa tersangat dahaga sekali.

[6 markah]

- [c] Pilih **DUA [2]** daripada kumpulan ayat (i) hingga (iv). Berikan ayat yang terhasil daripada ujian yang dicatatkan di dalam kurungan di akhir ayat untuk menunjukkan bahawa bahagian bergaris ialah satu konstituen.
- [i] Budak perempuan itu tercedera dalam kemalangan jalanraya itu. (substitusi)
 - [ii] Kitaroi, ketika Abu menjerit memanggilnya, berada di tengah padang. (pergerakan)
 - [iii] Anugerah itu ditaja oleh FAMARET. (ko-organisasi)
 - [iv] Bola yang kecil itu telah dihilangkan oleh adik. (pengguguran)

[6 markah]

[d] Gunakan ayat *Mirama telah ketawa berdekah-berdekah selepas mendengar cerita itu* untuk (i) dan (ii).

[i] Berikan ujian distribusi untuk menunjukkan golongan kata untuk **berdekah-berdekah**, dan namakan golongan kata untuk perkataan ini.

[ii] Berikan ujian paradigma untuk menunjukkan golongan kata untuk **selepas**, dan namakan golongan kata untuk perkataan ini.

[7 markah]

2. Gunakan frasa *terlampau sibuk sehingga tiada masa untuk melakukan kerja yang diamanahkan kepadanya*. Tunjukkan dengan jelas yang berikut:

[a] spesifier

[b] kepala

[c] komplemen

[d] adjung

[e] nodus

[f] penaungan

[25 markah]

3. Berdasarkan ayat di bawah, huraikan dengan lengkap binaan ayat ini dari peringkat struktur dalam hingga struktur luar. Nyatakan juga semua prinsip, andaian, dan kekangan yang terlibat dalam pembinaan ayat ini.

Beberapa hari sebelum ibu melahirkan Uda, ibu yakin ibu akan memperolehi seorang bayi yang comel.

[25 markah]

Bahagian B: Jawab **SATU [1]** soalan sahaja.

4. Menggunakan frasa sebuah kereta besar dan frasa terjemahannya one big car, berikan dakwaan Hipotesis Frasa Determiner dan bincangkan kesesuaian dan ketidaksesuaian hipotesis ini terhadap kedua-dua frasa tersebut.

[25 markah]

5. Pilih [a] **ATAU** [b]

[a] Terangkan dengan lengkap aspek ketaksaan dalam ayat Semalam, seorang nenek yang berehat di tuju perang itu penat dan gamat. Di samping itu, berikan satu contoh sendiri dari bahasa Melayu baku dan satu contoh dari bahasa Melayu Dialek Utara yang memperlihatkan aspek ketaksaan ini.

[25 markah]

ATAU:

- [b] Terangkan dengan lengkap hubungan dan fenomena yang diperlihatkan oleh bahagian bergaris dalam petikan di bawah. Di samping itu, kenalpasti kewujudan fenomena ini dalam bahagian yang tidak bergaris, dan jelaskan mengapa anda mengenalpasti sedemikian.

Meskipun dia gemar menunggang motosikal berkuasa tinggi, Mak Pah tidak boleh melakukannya kerana sendinya akan mengalami kelonglaian yang teruk sekali. Hal yang sama juga berlaku kepada Pak Kop.

[25 markah]